

## SEKOLAH AGAMA KHAS PEMACU PERUBAHAN BERAGAMA KOMUNITI ORANG ASLI

### *SPECIAL RELIGIOUS SCHOOLS AS CATALYSTS FOR RELIGIOUS TRANSFORMATION IN THE ORANG ASLI COMMUNITY*

Ahmad Zulkifli Bin Abdul Khalid<sup>1</sup>

Ahmad Murshidi Bin Mustapha<sup>2</sup>

Mohd Nazri Bin Mat Zin<sup>3</sup>

Muslim Ismail@Ahmad<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Calon Sarjana Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (Email: [azulkifliabduh@gmail.com](mailto:azulkifliabduh@gmail.com))

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (Email: [ahmadmurshidi@uitm.edu.my](mailto:ahmadmurshidi@uitm.edu.my))

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (Email: [nazri743@uitm.edu.my](mailto:nazri743@uitm.edu.my))

<sup>4</sup>Timbalan Ketua Pustakawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (Email: [muslim368@uitm.edu.my](mailto:muslim368@uitm.edu.my))

#### Article history

Received date : 24-2-2026

Revised date : 25-2-2026

Accepted date : 15-3-2026

Published date : 5-4-2026

#### To cite this document:

Abdul Khalid, A. Z., Mustapha, A. M., Mat Zin, M. N., & Ismail @ Ahmad, M. (2026). Sekolah agama khas pemacu perubahan beragama komuniti Orang Asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 453 - 464.

**Abstrak:** Pendekatan dakwah kepada komuniti Orang Asli mempunyai bentuk dan gaya yang berbeza. Mereka lebih terkesan kepada bentuk dakwah bi al-hal iaitu melalui contoh tauladan dan akhlak. Namun kedudukan mereka yang agak terasing daripada masyarakat awam umumnya, menjadikan faktor kelestarian agama Islam yang dianuti sukar untuk dijaga dan dikembangkan. Justeru perlunya bentuk pendidikan Islam yang lebih terarah dan sistematik untuk memastikan keislaman mereka terjaga. Oleh itu, kajian ini mengkaji peranan Sekolah Agama Khas sebagai pemacu perubahan beragama dalam komuniti muallaf Orang Asli, khususnya di kawasan pedalaman Gua Musang, Kelantan. Fokus kajian adalah untuk memahami proses dakwah, pendekatan pendidikan agama serta cabaran yang dihadapi dalam usaha membentuk penghayatan Islam yang berterusan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kajian kualitatif ini menggabungkan kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Data lapangan diperoleh melalui temu bual tidak berstruktur yang melibatkan muallaf Orang Asli daripada pelbagai peringkat umur, pendakwah berpengalaman dari Islamic Outreach ABIM (IOA) Kelantan, serta pegawai dan penggerak masyarakat daripada agensi agama berkaitan. Data kepustakaan diperolehi daripada pelbagai dokumen bersumber dan berautoriti. Data yang diperolehi dianalisis dengan analisis kandungan untuk mendapatkan maklumat yang bersesuaian dengan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang berperingkat, berasaskan kebajikan dan pembinaan kepercayaan merupakan asas penting dalam mendekati masyarakat Orang Asli. Pendidikan agama terhadap anak-anak Orang Asli melalui sistem persekolahan yang berstruktur dan berterusan lebih berkesan dalam membentuk kefahaman dan pengamalan Islam. Walaupun berhadapan dengan cabaran seperti kekangan

*literasi, pengaruh persekitaran asal, dan kesukaran meyakinkan ibu bapa, pendidikan agama yang konsisten didapati mampu melahirkan agen perubahan dalaman dalam komuniti Orang Asli. Sekolah Agama Khas mampu berfungsi sebagai instrumen strategik dakwah dan pembangunan insan, serta berpotensi menjadi model pendidikan agama yang lestari bagi komuniti muallaf Orang Asli di Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Dakwah, Muallaf, Orang Asli, Sekolah Agama Khas.*

**Abstract:** *Dakwah approaches to the Orang Asli community take on distinct forms and styles, as they are more responsive to dakwah bi al-hal, that is, preaching through exemplary conduct and moral character. However, their relatively isolated position from mainstream society makes it challenging to preserve and further develop their adherence to Islam. This situation necessitates a more structured and systematic form of Islamic education to ensure the sustainability of their religious commitment. Accordingly, this study examines the role of Special Religious Schools as catalysts for religious transformation within the muallaf Orang Asli community, particularly in the rural areas of Gua Musang, Kelantan. The study focuses on understanding the dakwah process, religious education approaches, and the challenges encountered in fostering a continuous appreciation and practice of Islam among the Orang Asli community. This qualitative study integrates fieldwork and library research. Field data were collected through unstructured interviews involving muallaf Orang Asli from various age groups, experienced preachers from Islamic Outreach ABIM (IOA) Kelantan, as well as officers and community mobilizers from relevant religious agencies. Library data were obtained from various authoritative and documented sources. The data collected were analyzed using content analysis to extract relevant findings aligned with the objectives of the study. The findings reveal that a gradual dakwah approach, grounded in welfare support and trust-building, serves as a crucial foundation in engaging with the Orang Asli community. Religious education for Orang Asli children through a structured and continuous schooling system is found to be more effective in shaping Islamic understanding and practice. Despite facing challenges such as limited literacy, environmental influences, and difficulties in gaining parental support, consistent religious education has proven capable of producing internal agents of change within the Orang Asli community. The study concludes that Special Religious Schools can function as a strategic instrument for dakwah and human capital development, with strong potential to serve as a sustainable model of religious education for the muallaf Orang Asli community in Malaysia.*

**Keywords:** *Dakwah, Muallaf, Orang Asli, Special Religious Schools.*

## Pendahuluan

Dakwah merupakan suatu legasi suci yang diwariskan secara turun-temurun sejak zaman para Nabi dan Rasul terdahulu, sebelum diwarisi oleh Nabi Muhammad SAW sebagai penutup segala kenabian. Tradisi dakwah ini bukan sekadar proses menyampaikan ajaran agama, bahkan ia merupakan kesinambungan misi tauhid yang menjadi asas pembentukan tamadun manusia beriman. Setelah kewafatan Baginda SAW, tugas dakwah tidak pernah terhenti atau terputus; sebaliknya ia berpindah kepada umat Islam sebagai pewaris ajaran kenabian. Kesinambungan tanggungjawab ini menuntut setiap muslim untuk menggalas peranan dakwah mengikut kemampuan, kesesuaian konteks, dan keupayaan masing-masing, sama ada melalui lisan, tulisan, akhlak mahupun tindakan yang membawa manusia kepada kebenaran. Dengan itu, dakwah menjadi kewajipan kolektif yang memastikan mesej Islam terus disebar dan diperkukuh dalam masyarakat sepanjang zaman.

Dalam konteks Malaysia, tanggungjawab dakwah ini turut merangkumi usaha mendekati masyarakat Orang Asli yang merupakan antara kelompok minoriti pribumi dengan latar budaya, struktur sosial dan pengalaman sejarah yang unik. Komuniti ini sering berada di pinggir arus pemodenan dan akses pendidikan, menjadikan pendekatan dakwah kepada mereka memerlukan kesedaran, kepekaan budaya serta kefahaman terhadap realiti kehidupan setempat. Seperti mana risalah dakwah para Nabi disesuaikan dengan keadaan komuniti masing-masing, dakwah kepada Orang Asli juga perlu ditangani dengan pendekatan yang hikmah, beransur-ansur dan menghormati sensitiviti adat resam mereka. Perlaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli memerlukan kepada kompetensi tertentu bagi memastikan keberkesanan gerakerja dakwah (Abdul Ghafar Don et.al., 2025). Kajian Abu Sofi Hasbullah et.al (2023) menunjukkan kebanyakan pendakwah Orang Asli cenderung menggunakan kaedah *dakwah bi al-hal* berbanding daripada *dakwah bi al-lisan*.

Kesinambungan legasi dakwah ini menuntut agar masyarakat Muslim bukan sahaja menyampaikan mesej Islam kepada Orang Asli, tetapi turut memainkan peranan dalam membimbing, menyokong dan memperkukuh proses pemahaman agama dalam kalangan muallaf Orang Asli. Pendekatan dakwah yang inklusif, berfasa, serta mengambil kira perubahan gaya hidup, tahap pendidikan, dan interaksi sosial mereka adalah selaras dengan tuntutan dakwah dalam Islam yang mementingkan kebijaksanaan dan ihsan. Sebagaimana Rasulullah SAW menyampaikan mesej Islam kepada golongan Arab Badwi secara lebih lembut, beransur-ansur dan memudahkan bagi meraikan sosiobudaya masyarakat (Paiz, 2023). Dengan itu, usaha mendekati Orang Asli bukan sekadar memenuhi kewajipan dakwah, tetapi juga menjadi manifestasi kesinambungan risalah kenabian dalam realiti masyarakat majmuk masa kini. Namun begitu, faktor sosiobudaya dan tatacara kehidupan orang asli didapati amat sukar untuk diubah. Perubahan yang cuba dibentuk dalam kehidupan Orang Asli yang telah memeluk Islam adalah gaya hidup yang mengamalkan asas-asas agama Islam.

Dalam kalangan Orang Asli yang telah memeluk Islam, proses menyesuaikan diri dengan tuntutan agama juga menghadapi cabaran tersendiri. Perubahan yang cuba dibentuk bukan sekadar pada aspek ritual seperti solat, puasa atau kefarduan asas yang lain, tetapi lebih mendalam iaitu menanamkan rasa kepentingan dan keinsafan untuk mengamalkan ajaran Islam sebagai cara hidup. Hal ini kerana bagi sebahagian muallaf Orang Asli, amalan agama bukan suatu keutamaan dalam struktur budaya asal mereka, menjadikan proses menghayati ajaran Islam memerlukan pembinaan kesedaran baru yang sejajar dengan realiti kehidupan mereka.

### Pernyataan Masalah

Kajian-kajian lepas menunjukkan pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak-pihak berautoriti seperti JAKIM, MAIK, JAHEAIK, dan NGO lain untuk menyampaikan Islam dan mengislahkan komuniti muallaf Orang Asli. Usaha dakwah sentiasa dipergiatkan sehingga data rasmi peningkatan Orang Asli yang memeluk Islam di Kelantan meningkat sehingga 64.8 peratus (Solihin & Nawati, 2025). Namun tahap penghayatan agama dalam kehidupan seharian mereka masih pada tahap yang lemah (Jamilah & Engku Zaki, 2017). Hal ini kerana faktor persekitaran didalam kampung atau gaya hidup kampung yang menyebabkan masyarakat Orang Asli hanya mengamalkan Islam apabila kehadiran Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) sahaja (Kamaruddin, 2025). Kebanyakan Orang Asli dewasa yang telah berkeluarga lebih mengutamakan perkara menyara keluarga. Oleh itu, terkadang mereka akan hadir untuk berjumpa dan mendengar penyampaian para pendakwah, belajar dan membantu para petugas semata-mata untuk mendapatkan barang-barang sumbangan yang disediakan. Bahkan ada yang tidak menunjukkan muka tetapi hadir ketika sesi pengagihan sumbangan (Mohamad Izwan, 2025). Walaupun begitu, kaedah itu tetap diteruskan kerana pemberian sumbangan secara menyeluruh adalah salah satu kaedah untuk menarik minat penduduk kampung berkumpul bersama (Muaz, 2024).

Dalam bidang pendidikan, penyertaan anak-anak Orang Asli dalam sistem pendidikan adalah rendah walaupun dasar kerajaan telah diperkenalkan. Pendidikan arus perdana seringkali tidak sesuai dengan konteks budaya mereka, menyebabkan mereka tiada rasa ingin ke sekolah dan kurang motivasi untuk menghadiri sekolah (Othman, 2022). Murid-murid mula menunjukkan kelakuan tidak berminat dengan sekolah seawal darjah satu kerana kebiasaan bermain di kampung dan tidak suka dikawal dengan ketat sebagaimana di sekolah (Mohamad Arif Azam, 2025). Walaupun pelbagai kemudahan khas untuk warga Orang Asli yang disediakan kerajaan, anak-anak Orang Asli tetap tidak menunjukkan minat dalam pendidikan secara serius. Hal ini didorong oleh sikap ibu bapa, kurang motivasi pelajar, halangan lingkungan fizikal dan budaya yang tidak memberi galakan kepada pendidikan formal (Afizi et.al, 2014).

Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Majlis Agama Islam Negeri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tahap pembangunan pendidikan dan kesedaran agama dalam kalangan komuniti ini masih berada pada tahap yang relatif rendah berbanding masyarakat arus perdana. Dalam konteks pendidikan, kadar keciciran sekolah dalam kalangan murid Orang Asli dilaporkan masih tinggi, dengan sebahagian besar pelajar tidak meneruskan persekolahan ke peringkat menengah akibat kekangan sosioekonomi, faktor budaya, persekitaran dan motivasi pendidikan yang rendah (Abdul Ghafar, 2021). Bahkan dari sudut jantina, kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan dalam faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap pembelajaran (Norhasima et al., 2021). Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan untuk meningkatkan minat belajar dalam kalangan pelajar Orang Asli tidak memerlukan perbezaan khusus berdasarkan jantina, sebaliknya boleh dilaksanakan secara menyeluruh kepada kedua-dua kumpulan pelajar tersebut.

Antara pendekatan yang perlu dikaji dan ditekankan ialah aspek komunikasi berkesan. Hal ini kerana ia dapat membina kepercayaan dan hubungan mesra dengan Orang Asli dalam penyampaian sesuatu mesej. Penyampaian mesej terhadap komuniti ini memerlukan penerangan yang jelas mengikut kemampuan mereka, menggunakan medium atau alat bantuan mengajar yang menarik perhatian, serta kemahiran mendengar dan merespon soalan-soalan

bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka (Zulkefli & Abdul Ghafar, 2020). Faktor budaya dan persekitaran juga didapati memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap pencapaian pendidikan dan perubahan sosial masyarakat Orang Asli. Kajian mendapati bahawa gaya hidup komuniti ini yang lebih terikat dengan tradisi setempat, penggunaan bahasa ibunda serta interaksi sosial yang terhad dengan masyarakat luar menyebabkan proses pendidikan formal dan pembinaan literasi menjadi lebih mencabar. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada tahap kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dan pembangunan diri dalam kalangan generasi muda Orang Asli (Abdull Sukor et.al., 2011).

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan kajian lapangan dan kajian kepustakaan bagi memperoleh pemahaman yang mendalam tentang pengalaman, proses dakwah serta realiti kehidupan muallaf Orang Asli yang memeluk Islam. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia bersifat eksploratori dan interpretatif, sesuai untuk mengkaji fenomena sosial yang kompleks serta berkait rapat dengan konteks budaya, agama dan pengalaman hidup responden (Creswell & Poth, 2019).

Kajian lapangan dilaksanakan melalui temu bual tidak berstruktur yang melibatkan penduduk Orang Asli yang telah memeluk Islam, merangkumi tiga peringkat umur iaitu remaja, dewasa dan warga emas. Pemilihan responden secara berperingkat umur ini bertujuan untuk mendapatkan variasi pandangan dan pengalaman berdasarkan latar generasi yang berbeza, seterusnya membolehkan perbandingan terhadap proses penghayatan Islam serta cabaran dakwah yang dihadapi. Temubual tidak berstruktur dijalankan sesuai dengan situasi informan iaitu Orang Asli.

Selain itu, temu bual tidak berstruktur turut dijalankan bersama veteran dakwah dari Islamic Outreach ABIM (IOA) Kelantan, sebuah sayap dakwah kepada masyarakat Orang Asli di bawah Angkatan Belia Islam Malaysia, yang berperanan mencetuskan inisiatif membawa anak-anak Orang Asli keluar dari persekitaran asal untuk dididik secara tidak formal sehingga tertubuhnya Madrasah Pengajian Islam (Kamaruddin, 2025). Temu bual ini penting bagi memahami sejarah dakwah, strategi pendidikan tidak formal serta pendekatan pembangunan insan yang digunakan oleh pendakwah lapangan yang berpengalaman.

Kajian ini juga melibatkan temu bual bersama Penggerak Masyarakat Orang Asli dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang terlibat secara langsung dalam usaha dakwah dan bimbingan Islam di kawasan pedalaman Gua Musang. Penglibatan agensi-agensi ini membolehkan penyelidik mendapatkan perspektif institusi berkaitan dasar, pelaksanaan program dakwah serta cabaran pentadbiran dalam mendekati masyarakat Orang Asli (Yusof et al., 2020).

Bagi melengkapkan kajian lapangan, kajian kepustakaan dijalankan secara sistematik melalui analisis terhadap buku akademik, tesis sarjana dan doktor falsafah, artikel jurnal serta laporan rasmi berkaitan dakwah Orang Asli, muallaf, pendidikan Islam dan pembangunan masyarakat pribumi. Antara kajian yang dirujuk termasuk penulisan oleh Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Jelas (2018) yang membincangkan cabaran pendidikan Orang Asli, kajian Ramle Abdullah et al. (2019) mengenai penerimaan Islam dalam kalangan muallaf Orang Asli, serta kajian Zainal Abidin Borhan et al. (2021) yang meneliti aspek dakwah dan pembangunan insan masyarakat pribumi di Malaysia. Kajian-kajian ini berfungsi sebagai asas teori dan empirikal bagi menyokong analisis dapatan kajian semasa. Data-data yang diperoleh dianalisis secara analisis

kandungan untuk memastikan perolehan maklumat sesuai dengan sasaran kajian. Pendekatan ini membantu memastikan dapatan kajian adalah sah, berstruktur dan selari dengan objektif kajian.

### Dapatan Kajian

Pembangunan dakwah di perkampungan Orang Asli terutamanya di kawasan pedalaman Gua Musang lebih bersifat asas dan berhati-hati, iaitu dengan memperkenalkan identiti pendakwah serta membina hubungan mesra bersama masyarakat setempat sebelum usaha memperkenalkan ajaran Islam dilakukan secara lebih terbuka. Pendekatan ini menekankan elemen kepercayaan dan penerimaan sosial, memandangkan masyarakat Orang Asli mempunyai sejarah pengalaman yang kompleks terhadap pihak luar. Namun, apabila aktiviti dakwah mula berkembang ke kampung-kampung lain di sekitar kawasan tersebut, kekerapan aktiviti dakwah ke setiap kampung menjadi terhad, iaitu sekitar dua hingga tiga kali sahaja dalam setahun, disebabkan faktor jarak, logistik dan kekangan tenaga pendakwah (Kamaruddin, 2025).

Generasi awal yang menjadi sasaran dakwah terdiri daripada golongan datuk, nenek dan ibu bapa. Bagi golongan ini, corak penyampaian agama diteruskan dengan pendekatan bersifat kebajikan dan kekeluargaan, seperti penyediaan jamuan, pemberian barangan asas serta penganjuran pertandingan yang melibatkan seluruh ahli keluarga. Pendekatan ini bertujuan untuk menarik minat masyarakat menghadiri perhimpunan dakwah serta mewujudkan suasana harmoni dan tidak mengancam. Walau bagaimanapun, sasaran fokus strategik sebenar dakwah jangka panjang adalah tertumpu kepada generasi kedua, iaitu anak-anak Orang Asli, yang dilihat lebih mudah dibentuk, dididik dan disosialisasikan dengan nilai-nilai agama (Abdul Khalid, 2025).

Golongan yang lebih muda perlu diterapkan nilai-nilai agama Islam dari awal lagi supaya asas keagamaan mereka terjaga dan mampu mengubah lanskap anutan kepercayaan komuniti Orang Asli. Menurut Kamaruddin (2025), pendidikan agama yang diberikan kepada anak-anak Orang Asli menunjukkan tahap keberkesanan yang lebih tinggi apabila mereka dibawa mengikuti pembelajaran dalam tempoh yang lebih lama dan berada jauh dari persekitaran perkampungan asal. Keadaan ini membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan beragama secara menyeluruh, termasuk pengamalan solat lima waktu secara berjemaah, pembacaan al-Quran, amalan zikir harian serta pelaksanaan ibadah puasa. Proses pembiasaan ini bukan sahaja membentuk kefahaman kognitif terhadap ajaran Islam, malah membantu internalisasi nilai dan amalan agama dalam kehidupan seharian mereka. Suasana dan persekitaran akan membantu mereka dalam memahami dan mengamalkan agama Islam dengan baik.

Seiring dengan itu, pendekatan yang dilaksanakan oleh Madrasah Pengajian Islam (MPI) yang dikelolakan oleh IOA adalah menggunakan sistem semester, iaitu lima bulan tempoh pengajian dan sebulan cuti semester (Mohamad Izwan, 2025). Sistem ini dilihat sesuai dengan keperluan pendidikan anak-anak Orang Asli kerana ia menyediakan tempoh pembelajaran yang konsisten dan berstruktur, sekali gus memberi ruang yang mencukupi untuk pembentukan sahsiah, disiplin dan identiti keagamaan secara berperingkat. Dalam konteks ini, pendidikan anak-anak bukan sahaja berperanan melahirkan individu yang beragama, tetapi juga berfungsi sebagai agen perubahan yang berpotensi mempengaruhi keluarga dan masyarakat asal mereka apabila kembali ke perkampungan. Dalam aspek pembelajaran, subjek teras adalah asas-asas agama, seterusnya melibatkan membaca, menulis dan mengira (3M). Menurut Shahidah (t.t) dan Tuan

Asma (2026), berikut merupakan beberapa maklumat berkaitan dengan Madrasah Pengajian Islam (MPI):

**Jadual 1: Maklumat berkaitan dengan Madrasah Pengajian Islam (MPI):**

<b>Komponen</b>	<b>Maklumat</b>
<b>Madrasah Pengajian Islam (MPI)</b>	Madrasah Pengajian Islam (MPI) merupakan sebuah institusi pendidikan Islam yang beroperasi di bawah Pusat Latihan dan Dakwah Orang Asli (PULDOA) yang terletak di Kok Lanas, Ketereh, Kelantan. Institusi ini berfungsi sebagai pusat pendidikan formal yang memberi tumpuan kepada pembangunan ilmu agama dalam kalangan saudara baru khususnya masyarakat Orang Asli.
<b>Latar Belakang Penubuhan</b>	Penubuhan MPI bermula pada tahun 1988 melalui usaha Islamic Outreach ABIM yang ketika itu menjalankan kelas pengajian Islam secara mingguan di pejabat mereka di Lundang, Kota Bharu. Sasaran utama program tersebut ialah saudara baru dalam kalangan masyarakat Orang Asli dari kawasan pedalaman seperti Pos Sungai Rual, Pos Hendrop, Pos Tuel, Pos Kuala Lah, Aring dan Pos Brooke. Pendekatan awal ini bersifat tidak formal dan lebih tertumpu kepada pengenalan asas ajaran Islam.
<b>Perkembangan Infrastruktur dan Sistem Pembelajaran</b>	Pada tahun 1996, program pengajian ini mengalami perkembangan signifikan apabila pusat operasi dipindahkan ke Kok Lanas dengan penubuhan Pusat Latihan dan Dakwah Orang Asli (PULDOA). Pada tahap ini, MPI mula menyediakan kemudahan pembelajaran yang lebih kondusif seperti bilik darjah, asrama dan dewan. Para pelajar dari kawasan pedalaman ditempatkan secara berpusat bagi mengikuti kelas pengajian asas Islam serta program penghayatan hari kebesaran Islam seperti Aidilfitri dan Aidiladha.
<b>Transformasi Program Pengajian</b>	Pada tahun 2005, MPI memperkenalkan Kursus Asas Kefahaman Islam (KASFI) yang dilaksanakan selama dua minggu setiap bulan. Program ini kemudian ditambah baik pada tahun 2007 dengan penjenamaan semula kepada Kursus Pengajian Islam (KPI) yang mempunyai tempoh pengajian lebih panjang iaitu selama dua bulan dan dijalankan dalam empat siri. Transformasi ini menunjukkan usaha berterusan institusi dalam meningkatkan keberkesanan pendidikan agama.
<b>Pelaksanaan Sistem Semester</b>	Satu perubahan besar berlaku pada tahun 2013 apabila MPI mengubah sistem pengajiannya kepada sistem semester. Setiap semester berlangsung selama lima bulan dan dalam setahun terdapat dua semester. Pada masa yang sama, skop pengambilan pelajar turut diperluaskan kepada saudara baru dan masyarakat Orang Asli dari dalam dan luar negara, sekali gus meningkatkan kepelbagaian latar belakang pelajar.
<b>Perluasan Kampus</b>	Pada September 2019, MPI mencatat sejarah baharu dengan pembukaan sebuah cawangan di Kuau, Bachok. Pengambilan pertama melibatkan seramai 13 orang pelajar yang telah berjaya

	menamatkan silibus pengajian di kampus Kok Lanas. Langkah ini menunjukkan perkembangan institusi dalam memperluaskan akses pendidikan Islam kepada komuniti sasaran.
<b>Visi Dan Misi</b>	Visi MPI adalah untuk menjadi sebuah pusat pendidikan formal yang menyediakan peluang kepada saudara baru khususnya anak-anak Orang Asli untuk mempelajari dan mendalami ajaran Islam secara menyeluruh dan berterusan. Misi MPI ialah memberi didikan agama secara berterusan kepada saudara baru serta membimbing mereka menjadi individu contoh atau 'role model' dalam masyarakat masing-masing.
<b>Objektif Pendidikan</b>	Antara objektif utama MPI ialah memberi kefahaman asas Islam kepada saudara baru, melatih mereka menghayati ajaran Islam dalam kehidupan seharian, mencungkil bakat kepimpinan dan melahirkan pendakwah dalam kalangan pelajar. Selain itu, MPI juga berperanan memberi peluang kedua kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi serta membantu mengubah corak kehidupan dan meningkatkan taraf ekonomi golongan sasaran.
<b>Program dan Aktiviti Pelajar</b>	MPI menyediakan pelbagai program pengisian seperti kelas Fardhu Ain, usrah, bengkel kepimpinan, latihan pengucapan awam, program Guru Muda, latihan pengurusan program serta aktiviti kemahiran. Selain itu, pelajar turut terlibat dalam aktiviti kokurikulum seperti sukan dan syarahan yang bertujuan membangunkan sahsiah dan kemahiran insaniah secara holistik.

Namun begitu, wujud beberapa cabaran dalam proses tersebut. Cabaran pertama ialah proses meyakinkan ibubapa dan memujuk anak-anak mereka keluar dari kampung untuk belajar. Dalam keadaan ibubapa yang tidak merasakan kepentingan agama, bahkan perlu berpisah dengan anak semata-mata kerana belajar agama memerlukan kebijaksanaan komunikasi untuk menanam kepercayaan (Abdul Khalid, 2025). Dalam kalangan anak-anak pula, ada yang dianggap sebagai 'kepala' yang mempunyai kebolehan mempengaruhi kawan-kawan lain. Hal ini bermakna jika anak tersebut setuju keluar belajar, maka teman-teman yang lain akan turut serta, begitu juga sebaliknya (Mohamad Izwan, 2025). Oleh itu, dalam sesi pengambilan pelajar, kakitangan yang berpengalaman akan mengenalpasti golongan-golongan utama tersebut.

Cabaran kedua adalah proses mengajar. Perlu diketahui bahawa pelajar yang dibawa keluar merupakan mereka yang tidak ingin bersekolah. Penggunaan bahasa yang mudah dan pengulangan yang kerap adalah penting kerana kebanyakan pelajar tidak tahu membaca dan menulis (Muaz, 2025). Oleh itu, kaedah 'tolak dan tarik' juga perlu diguna pakai dalam penyampaian dan sistem pengajian keseluruhannya. Sebagai contoh, dalam penyampaian perlu diselitkan permainan atau bercerita. Dalam sistem pengajian perlu ada aktiviti luar dari tempat pengajian seperti berkelah, lawatan dan sebagainya (Ellybiah, 2025). Hal ini kerana mereka tidak boleh terlalu fokus pada pengajian dalam kelas dan buku kerana keadaan sosiobudaya mereka adalah beraktiviti (Mohammad Azrul, 2025). Matlamat utama adalah ilmu yang disampaikan dapat diingati dan diamalkan dengan kesedaran sendiri.

Tempoh sekurang-kurangnya empat bulan merupakan waktu yang cukup untuk proses tarbiah dan didikan asas. Namun cabaran seterusnya ialah waktu cuti semester. Cuti bermaksud pelajar kembali kepada persekitaran asal yang boleh mempengaruhi mereka kepada tabiat sebelum ini. Waktu cuti paling lama diberikan ialah sebulan (Rahim, 2025). Menurut Akramin (2025), wujud keadaan pelajar yang tidak ingin kembali belajar selepas cuti. Bahkan situasi memujuk pelajar kembali menjadi lebih sukar jika ‘kepala’ kumpulan anak-anak tersebut tidak ingin kembali. Bahkan petugas IOA pernah pulang dengan kenderaan yang kosong.

Menurut Kamaruddin (2025), itu adalah cabaran yang biasa dihadapi dalam usaha mendidik anak-anak Orang Asli ke arah mendalami agama. Hasilnya, beberapa orang lepasan MPI berjaya menamatkan pengajian dan berkerjaya baik. Antaranya ialah Fardu bin Angah, melanjutkan pengajian ke Institut Dakwah Islamiah Pengkalan Chepa (IDIP), kini berkhidmat sebagai Guru Orang Asli lantikan MAIK serta Daie lantikan YADIM. Beliau menjadi rujukan penduduk kampung di Pos Tuel. Antara lain ialah pelajar perempuan di Kampung Haner, Pos Tuel, Maria menamatkan pengajian di Kolej Islam Sultan Ismqil Petra dan kini berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA). Ayah beliau ialah generasi kedua ketika dibawa keluar belajar di IOA. Di Pos Hendrop, Imam masjid lantikan MAIK dan Guru Orang Asli. Antara lepasan MPI dan menamatkan pengajian di KIAS juga ialah Zaidin.

Secara keseluruhannya, Sekolah Agama Khas dan pendekatan pendidikan Islam berasaskan madrasah memainkan peranan yang signifikan sebagai pemacu perubahan beragama dalam komuniti muallaf Orang Asli, khususnya di kawasan pedalaman Gua Musang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses dakwah kepada masyarakat Orang Asli tidak boleh dilaksanakan secara tergesa-gesa atau bersifat satu dimensi, sebaliknya memerlukan pendekatan yang berperingkat, berhikmah dan sensitif terhadap realiti sosiobudaya setempat. Pembinaan hubungan kepercayaan, pendekatan kebajikan, serta kefahaman terhadap gaya hidup Orang Asli menjadi asas penting sebelum penerapan ajaran Islam dilakukan secara lebih mendalam.

Kajian ini juga menegaskan bahawa pendidikan anak-anak Orang Asli merupakan strategi dakwah jangka panjang yang paling berkesan berbanding fokus eksklusif kepada golongan dewasa. Anak-anak didapati lebih mudah dibentuk melalui proses tarbiah yang berstruktur, berterusan dan berada dalam persekitaran yang kondusif, terpisah daripada pengaruh persekitaran asal yang kurang menyokong pengamalan agama. Melalui sistem semester dan pengajian asas agama yang dilaksanakan oleh Madrasah Pengajian Islam di bawah kendalian IOA, proses internalisasi nilai Islam dapat berlaku dengan lebih berkesan, bukan sahaja pada aspek ritual ibadah, tetapi juga pembentukan sahsiah, disiplin dan identiti Muslim dalam kalangan pelajar Orang Asli.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama yang berterusan, antaranya kesukaran meyakinkan ibu bapa tentang kepentingan pendidikan agama, masalah literasi asas dalam kalangan pelajar, keperluan kaedah pengajaran yang fleksibel dan berasaskan aktiviti, serta risiko regresi amalan agama apabila pelajar kembali ke kampung semasa cuti semester. Cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa dakwah dan pendidikan Islam kepada Orang Asli bukan sekadar proses pengajaran, tetapi merupakan usaha pembinaan insan yang memerlukan kesabaran, kreativiti, kefahaman psikososial serta sokongan institusi yang berterusan.

Namun demikian, kejayaan sebahagian lepasan Madrasah Pengajian Islam yang kini berperanan sebagai guru, imam dan pendakwah dalam komuniti sendiri membuktikan bahawa

pendidikan agama yang dilaksanakan secara konsisten dan berterusan berupaya melahirkan agen perubahan dalaman dalam masyarakat Orang Asli. Peranan yang dimainkan oleh golongan ini memperlihatkan bahawa proses pendidikan bukan sahaja menghasilkan individu yang berpengetahuan dalam aspek keagamaan, malah membentuk kepimpinan komuniti yang mampu membimbing masyarakat ke arah penghayatan Islam yang lebih menyeluruh. Keterlibatan mereka secara langsung dalam institusi sosial setempat turut menyumbang kepada pengukuhan amalan beragama, peningkatan kesedaran pendidikan serta pembinaan jati diri yang lebih positif dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, kewujudan lepaan institusi ini sebagai model teladan dalam komuniti berfungsi sebagai mekanisme dakwah yang lebih berkesan dan signifikan. Hal ini kerana mereka memiliki kelebihan dari sudut kefahaman terhadap bahasa, budaya, nilai serta realiti kehidupan masyarakat sendiri, sekali gus memudahkan proses penyampaian mesej dakwah secara lebih kontekstual dan mesra komuniti. Pendekatan dakwah yang bersifat dalaman ini bukan sahaja meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap ajaran Islam, tetapi juga membantu merapatkan jurang antara institusi pendidikan agama dengan komuniti sasaran. Justeru, fenomena ini memperlihatkan bahawa pelaburan dalam pendidikan agama berpotensi menghasilkan kesan jangka panjang yang mampan dalam pembangunan spiritual dan sosial masyarakat Orang Asli.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa Sekolah Agama Khas bukan sekadar berfungsi sebagai institusi pendidikan formal, malah berperanan sebagai medium strategik dalam pelaksanaan dakwah dan proses transformasi beragama dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Melalui pendekatan pendidikan yang berstruktur, kontekstual dan berteraskan nilai-nilai Islam, institusi ini berupaya membentuk kefahaman akidah yang mantap, penghayatan ibadah yang konsisten serta pembangunan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Dalam masa yang sama, kewujudannya turut menyumbang kepada peningkatan tahap literasi pendidikan, pembinaan kepimpinan komuniti serta mobiliti sosial generasi muda Orang Asli, sekali gus membantu memperkasa kedudukan mereka dalam arus pembangunan masyarakat.

Namun demikian, keberkesanan pendekatan ini memerlukan komitmen jangka panjang dan sinergi berterusan antara pendakwah, institusi agama, agensi kerajaan serta masyarakat setempat. Sokongan dasar yang konsisten, penyediaan sumber yang mencukupi dan pengukuhan latihan profesional tenaga pengajar merupakan faktor penting dalam memastikan kelestarian model pendidikan ini. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memperkayakan wacana akademik berkaitan dakwah komuniti pribumi di Malaysia, di samping menjadi rujukan praktikal dalam merangka pendekatan pendidikan Islam yang lebih berkesan, inklusif dan lestari bagi memenuhi keperluan serta realiti sosio-budaya masyarakat Orang Asli.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Don et.al (2025). Kesepakatan Pakar Terhadap Konstruksi Kompetensi Pendakwah Masyarakat Orang Asli Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. Universiti Islam Selangor. Vol. 18, no. 1.
- Abdul Khalid bin Ahmad. (2025, 5 November). *Temu bual berkaitan aktiviti dakwah dalam kalangan komuniti Orang Asli* (Temu bual tidak diterbitkan). Islamic Outreach ABIM Kelantan.
- Abu Sofi Hasbullah et. Al (2023). Pengamalan Komunikasi Dakwah kepada Orang Asli di Negeri Selangor. *Jurnal Sains Insani*. Universiti sains Islam Malaysia. Vol. 8, no. 1
- Akramin bin Hussin. (2025, 12 November). *Temu bual berkaitan pengurusan operasi program dakwah* (Temu bual tidak diterbitkan). Islamic Outreach ABIM Kelantan.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2019). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications. Page 7-9 Muat turun daripada [https://studentebookhub.com/wp-content/uploads/2024/preview/9781506330204.pdf?utm\\_source=chatgpt.com](https://studentebookhub.com/wp-content/uploads/2024/preview/9781506330204.pdf?utm_source=chatgpt.com)
- Ellybiah binti Ali. (2023, 15 November). *Temu bual berkaitan kebajikan pelajar dan pembinaan sahsiah beragama di asrama* (Temu bual tidak diterbitkan). Islamic Outreach ABIM Kelantan.
- Kamaruddin bin Md Amin. (2025, 4 Disember). *Temu bual berkaitan tadbir urus dan strategi gerak kerja dakwah* (Temu bual tidak diterbitkan). Islamic Outreach ABIM Kelantan.
- Mohamad Izwan bin Che Din. (2025, 10 September). *Temu bual berkaitan operasi dakwah dan penglibatan komuniti* (Temu bual tidak diterbitkan). Islamic Outreach ABIM.
- Mohammad Azrul Fahmi bin Jaafar. (2025, 29 Disember). *Temu bual berkaitan sokongan pentadbiran aktiviti dakwah* (Temu bual tidak diterbitkan). Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).
- Mohd Arif Azam bin Mat Yunoh. (2025, 16 Mei). *Temu bual berkaitan pendidikan agama dalam kalangan murid Orang Asli* (Temu bual tidak diterbitkan). Sekolah Rendah Kuala Lah.
- Mohd Solihin, M. S., & Ismail, M. (2025). Usaha Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dalam perkembangan dakwah Orang Asli di Negeri Kelantan. *RABBANICA: Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 55–71. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/361>
- Mohd Zain, J., & Engku Alwi, E. A. Z. (2017). Aktiviti dakwah JAKIM terhadap masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan cabarannya. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 1(1).
- Muaz bin Mohamed Suhaimi. (2025, 6 September). *Temu bual berkaitan pengurusan dan pelaksanaan pentadbiran dakwah* (Temu bual tidak diterbitkan). Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).
- Norhasima Abdullah, Aimi Khairunnisa Abdul Karim, Atini Alias, Siti Haziqah Shaban, & Suzyliana Mamat. (2021). Pendorong minat belajar kanak-kanak Orang Asli. *Universiti Islam Melaka. Jurnal Ulwan*. 6(1). Muat turun daripada <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/845>
- Othman, N. (2022). Educating Orang Asli students: The challenges towards achieving the Malaysian sustainable education agenda. *Journal of Intelek*, 17(1), 1–12. <https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JI/article/view/6594>
- Shaari, A. S., Yusoff, N., Ghazali, M. I., & Dali, M. H. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Suhaidah Suhaimi (t.t) *Madrasah Pengajian Islam (MPI)* (PowerPoint slides).
- Tuan Asma Syakilla Tuan Ibrahim. (2026). *Profil Madrasah Pengajian Islam*.

- Wan Hanafi, W. N., & Abd Rahman, N. (2020). Faktor budaya dan motivasi dalam pencapaian pendidikan murid Orang Asli di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 156–168. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18656>
- Zulkefli Aini, & Abdul Ghafar Don. (2020). Amalan kemahiran komunikasi pendakwah dengan masyarakat Orang Asli di Malaysia. *International Journal Of Civilizational Studies And Human Science*